

## PEMIKIRAN SEYYED HOSSEIN NASR: KONSEP MANUSIA SEMPURNA DALAM PEMBENTUKAN PERIBADI INSAN BERMORAL

**Farrah Wahida Mustafar**  
Pusat Asasi dan Pengajian Umum,  
Universiti Melaka

*Corresponding Author's Email: farrahwahida@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 25 November 2022*

*Accepted : 23 December 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Dalam Islam, Nabi Muhammad SAW merupakan contoh sebagai manusia sempurna atau dalam bahasa Arab disebut dengan *al-insan al-kamil*. Konsep manusia sempurna banyak dibincangkan, namun dalam konteks etika dan akhlak dalam masyarakat kontemporari belum tuntas dibahas dalam kajian-kajian sedia ada. Justeru itu, objektif kajian ini adalah meneroka pembentukan peribadi insan bermoral menerusi konsep manusia sempurna berdasarkan pandangan Seyyed Hossein Nasr. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis kandungan berdasarkan karyanya yang bertajuk *Muhammad Man of God*. Kajian ini mengumpulkan data melalui dokumentasi yang berkaitan seperti pengumpulan maklumat dari buku, jurnal, tesis, kertas persidangan dan laman sesawang. Dapatan kajian mendapati manusia sempurna menurut Nasr adalah Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, penjelasan dan huraian Nasr di dalam karyanya menunjukkan beberapa ciri yang boleh diamalkan oleh umat terkini. Terdapat 19 perkara yang dapat disimpulkan berdasarkan kandungan teks dalam karya tersebut iaitu memberi nama yang baik, sopan-santun dan berbudi bahasa, berpegang kepada janji, jujur, ikhlas dan adil, kecekalan hati perkahwinan sebagai seruan Islam, peristiwa *mi'raj* sebagai perjalanan rohani, tempat persembunyian (*qalb*), menjadi pemimpin setelah penyucian rohani, menyatukan masyarakat berasaskan prinsip Islam, tidak meninggalkan hal keduniaan (jihad), pembentukan ummah, berpandangan jauh dan bersikap diplomatik, pemaaf dan tegas, menghormati agama lain, menjaga hubungan, bersikap sama rata, perasaan kasih sayang, mengambil berat dan bertanggungjawab, penekanan terhadap pendidikan dan kepentingan adab. Kesimpulannya, manusia sempurna dalam pandangan Nasr adalah selari dengan pembentukan peribadi insan bermoral selaras syariat dan akal. Pembentukan akhlak yang mulia adalah bermula dengan penyucian hati dan rohani yang mampu menjamin kesihatan mental dan jasmani.

**Kata kunci:** Seyyed Hossein Nasr, Manusia Sempurna, Insan Bermoral

### **THE THOUGHTS OF SEYYED HOSSEIN NASR: THE CONCEPT OF A PERFECT MAN IN THE FORMATION OF FORMALITY A MORAL HUMAN BEING**

### **ABSTRACT**

*In Islam, Prophet Muhammad SAW is an example of a perfect human being. In Arabic it is called al-insan al-kamil. The concept of a perfect man is much discussed, but in the context of ethics and morals in contemporary society it has not been fully debated in existing studies. Therefore, the*

*objective of this study is to explore the personal formation of a moral people through the concept of a perfect man based on the views of Seyyed Hossein Nasr. This qualitative study uses the approach of literature review and content analysis based on his book titled Muhammad Man of God. This study collects data through relevant documentation such as information collection from books, journals, theses, conference papers and websites. The findings of the study found that according to Nasr, the perfect human man is the Prophet Muhammad SAW. However, Nasr's explanations and descriptions on his study show some features that can be practiced by people. There are 19 things that can be concluded based on the content of the text in his study, namely giving a good name, being polite and courteous, keeping promises, being honest, sincere and fair, tenacity in marriage as a call to Islam, the event of mi'raj as a spiritual journey, hiding place (qalb), becoming a leader after spiritual purification, unifying society based on Islamic principles, not abandoning worldly matters (jihad), forming the ummah, being far-sighted and being diplomatic, forgiving and firm, respecting other religions, maintaining relationships, being equal, feelings of love, care and responsibility, emphasis on education and the importance of manners. In conclusion, a perfect man being in Nasr's view is parallel to the formation of a moral person in accordance with Islamic law and intelec. The formation of noble morals begins with heart and spiritual purification that can guarantee mental and physical health.*

**Keywords:** *Seyyed Hossein Nasr, Perfect Man, Moral People*

## **PENGENALAN**

Manusia yang mempunyai keperibadian yang baik dan berkarakter adab yang tinggi dianggap sebagai manusia yang berakhlak mulia, bermoral dan beretika. Umumnya, moral dan etika berkait rapat dengan amalan kepercayaan dalam masyarakat. Justeru itu, moral dan etika berkait rapat dengan teologi, dengan kata lain selagi kebaikan yang sejagat dianggap bukan kebaikan kemanusiaan atau selagi satu-satu sistem moral itu merupakan undang-undang yang ditentukan oleh Tuhan (Mohd Nasir, 1992). Abdul Rahman (2008) menyatakan bahawa kepentingan etika dan moral dalam seluruh kehidupan manusia tidak dapat dipertikaikan lagi, hatta pernah dikatakan bahawa:

*“Satu-satu bangsa akan bertahan selagi mana nilai-nilai etika bangsa itu dapat dipertahankan, dan runtuhlah bangsa tersebut jika nilai-nilai etikanya tidak lagi dapat dipertahankan”.*

Oleh sebab itulah, kita dapati dari awal sejarah kewujudan manusia di dunia, dan hinggalah ke zaman mutakhir ini, persoalan betul atau salah, baik buruk, apakah yang patut dilakukan atau yang tidak patut dilakukan dan lain-lain, yang merupakan isu-isu penting falsafah etika, tetap menjadi paksi dan juga kuasa penentu kepada terbentuknya falsafah hidup, gaya berfikir dan sistem tindakan manusia. Dengan demikian, penting untuk mengetahui apakah sistem moral yang dipegang oleh seseorang baik sama mahupun berbeza, bagaimana satu-satu perkara itu dikatakan baik atau sempurna sebagai seorang manusia, dan bagaimana indikator yang dapat digunakan bagi menilai sesuatu perkara itu baik atau tidak baik.

Dalam Islam, manusia sempurna telah diberikan standard moral dan tingkah lakunya merujuk kepada Nabi Muhammad SAW sesuai dengan ayat al-Quran dalam surah Az-Zariyaat ayat 56:

Terjemahan: *“Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku”.*

Nabi Muhammad SAW merupakan *insan kamil* yang menjadi ikutan dan contoh terbaik kepada masyarakat Islam. Frasa *insan kamil* dalam Islam adalah istilah yang dipopularkan dalam disiplin ilmu tawawuf memandangkan tiada perkataan yang sama di dalam al-Quran dan hadis

(Zakaria, 2001). Manusia ideal atau manusia sempurna (*the Perfect Man* atau *insan kamil*) juga telah banyak dibincangkan di dalam kajian-kajian lepas. Konsep ini juga terdapat dalam ajaran Konfusianisme dengan menggunakan istilah *Chun Tzu* yang memberi erti yang sama, manakala dalam Islam pula diperkenalkan dengan istilah *insan kamil*. Di Barat pula, *Superman (Ubermensch)* dipopularkan oleh Friedrich Wilhelm Nietzsche (1844-1900) dan terdapat juga kajian yang membahaskan menurut teori Maslow. Manakala Muhammad Iqbal (1877-1938) juga telah membahaskan berkaitan konsep ini. Orang pertama yang menggunakan istilah *al-insan al-kamil* ialah Husayn bin Mansur al-Hallaj (858-952), kemudian dikembangkan oleh Ibnu ‘Arabi (1165-1240) dan ‘Abd al-Karim al-Jili (1365-1422).

Terdapat pelbagai ideologi tentang manusia sempurna baik berdasarkan teologi iaitu ajaran agama seperti Buddha, Konfusianisme, Tao, Yahudi, Kristian dan Islam, mahupun berdasarkan pemikiran tokoh seperti Darwin, Marx, Maslow, Nietzsche dan Freud. Manusia sempurna antara dunia Timur dan Barat jelas menunjukkan perbezaan. Islam pula dikatakan satu-satunya ideologi yang mempunyai kepelbagaian dimensi dalam konsep ini (Mohammad Reza, 2016). Antara tokoh-tokoh yang membicarakan manusia sempurna ialah tokoh Islam klasik iaitu Husayn bin Mansur al-Hallaj (858-922), Abu Hamid al-Ghazali (1058-1111), Ibnu ‘Arabi (1165-1240), ‘Abd al-Karim al-Jili (1365-1422) sehinggalah pemikir Islam moden seperti Muhammad Iqbal (1877-1938), pemikir dan ahli falsafah kontemporari seperti Seyyed Hossein Nasr (1933-kini berusia 88 tahun), Murtadha Muthahhari (1920-1979), Nurcholish Madjid (1939-2005). Terdapat juga ulama’ tasawuf Nusantara yang juga menulis di dalam karyanya iaitu Muhammad Nafis al-Banjari dan Abdush-Shamad al-Falimbani dalam kitab *Ad-Durr An-Nafis* (1785) dan *Siyar As-Salikin* (tahun 1779-1788 yang terdapat empat bahagian, kebanyakan terjemahan dari kitab *Ihya Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali) (Rodiah, 2015).

Pokok pembahasan manusia sempurna ini adalah bersifat falsafah dan kebanyakan pemaknaan manusia sempurna yang ditafsirkan akan ke pangkal tingkah laku dan perbuatan seseorang. Secara umumnya, tingkah laku individu dibicarakan dalam konteks etika dan akhlak. Dalam bukti kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat krisis etika dan akhlak dalam kalangan masyarakat baik di Malaysia (Nasarudin, Tengku Intan Zarina dan Sabri, 2018; Rohana dan Norhasni, 2016; Azizah, Nor ‘Adha dan Norul Huda, 2015) mahupun di seluruh dunia. Antara krisis akhlak yang berlaku membawa kepada masalah sosial seperti budaya lepak, sumbang mahram, berkelakuan tidak sopan di khalayak umum, ketagihan dadah, seks bebas, hamil luar nikah, pengguguran dan pembuangan bayi serta pelbagai lagi termasuk semua lapisan masyarakat.

Walaupun terdapat pelbagai pembahasan tentang manusia sempurna, namun dengan peredaran masa dan teknologi moden dalam kehidupan masyarakat seolah-olah konsep ini tidak memainkan peranan. Pergolakan hidup dan kerosakan jiwa masyarakat di dunia dan penularan penyakit sosial dalam kalangan masyarakat menjadikan krisis dan isu etika hanya diperbahaskan tanpa dihayati dan dilaksanakan. Dalam etika, agama dianggap sebagai sumber moral manakala pelakunya adalah manusia. Kepincangan isu etika sama ada dalam bidang ekonomi, politik dan sosial adalah disebabkan oleh kecenderungan manusia dalam satu-satu perkara sehingga melampaui batas. Sehubungan itu, Seyyed Hossein Nasr merupakan antara ilmuan yang membahaskan perkara ini. Berpandukan kepada permasalahan kajian yang dibincangkan di atas, objektif kajian ini adalah untuk meneroka manusia sempurna dalam pembentukan peribadi insan bermoral berdasarkan pemikiran Nasr.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Falsafah kajian merupakan landasan utama bagi menentukan reka bentuk kajian dan teknik dalam penghasilan dan analisis data kajian (Nur Farhana, 2016). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu berminat kepada makna dan pemahaman melalui data-data dalam bentuk kata-kata atau bahan-bahan dokumen (Othman, 2014). Reka bentuk kajian kualitatif ini bersifat penerokaan yang bertujuan untuk meneroka perspektif dan asasnya menerusi pendekatan interpretatif. Dengan

demikian, bentuk soalan yang dibentuk adalah berbentuk umum iaitu bagaimana dan apa bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian.

Secara umumnya, kajian ini bersifat kepustakaan yang melibatkan rekod bertulis secara fizikal dan laman sesawang atau maya. Kajian menerusi teks bertulis mampu mempengaruhi bagaimana kita melihat dunia dan orang-orang di dalamnya serta bagaimana kita berkelakuan (Liamputtong, 2014; Othman, 2014). Kajian ini adalah berbentuk kepustakaan yang sebahagian besar sumber diperolehi daripada bahan dokumentasi seperti buku, jurnal, tesis, kertas persidangan dan laman sesawang.

## **BIOGRAFI SEYYED HOSSIEN NASR**

Nasr merupakan seorang tokoh yang terkemuka di dunia termasuk di negara Barat yang telah dilahirkan pada 1 April 1933 di Tehran. Bapa beliau, Seyyed Valiallah merupakan seorang tabib kepada keluarga Diraja Iran. Seperti bapanya, Nasr juga menjadi gelaran kepada bapanya. 'Nasr' bermaksud kemenangan merupakan gelaran yang dianugerahkan oleh Raja Parsi kepada datuknya. Nasr mempunyai pendedahan kepada ilmu tasawuf memandangkan keluarganya beraliran sufi.

Pendidikan formal awal Nasr bermula di salah sebuah sekolah berhampiran dengan tempat tinggalnya. Selain itu, beliau diberikan penambahan mata pelajaran pendidikan Islam, bahasa Parsi dan tutorial dalam Bahasa Perancis. Nasr sering mengadakan sesi perbualan ilmiah yang panjang bersama-sama dengan bapanya. Antara isu-isu yang dibahas ialah falsafah dan teologi yang dilalui oleh Nasr sehingga dapat membentuk corak dan perkembangan inteletiknya. Setelah itu, Nasr ke *The Peddie School* di Highstown, New Jersey ketika Nasr berusia 12 tahun. Pada tahun 1950, Nasr telah menamatkan pengajiannya sebagai pelajar yang paling cemerlang. Di sekolah tersebut, Nasr telah mendalami Bahasa Inggeris, Sains, Sejarah Amerika, Budaya Barat dan Agama Kristian.

Setelah itu, Nasr melanjutkan pelajarannya di Massachusetts Institute of Technology (MIT) dalam bidang fizik. Keinginan untuk memahami tentang sesuatu sifat telah mendorong Nasr untuk belajar dalam bidang fizik tersebut. Walaupun Nasr cemerlang dalam pengajiannya, namun beliau dirundung dengan perasaan tidak selesa akibat daripada perasaan ragu-ragunya dengan sifat positivisme dalam sesi pembelajaran saintifik tersebut. Hal tersebut telah diketahui oleh salah seorang gurunya ketika mengadakan sesi perbincangan bersama pelajar-pelajarnya. Walau bagaimanapun, Nasr telah berjaya menamatkan pengajiannya disebabkan disiplin diri yang telah terbentuk dalam dirinya.

Setelah berjaya menamatkan pengajiannya di MIT, Nasr meneruskan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang geologi dan geofizik pada tahun 1956. Kemudian, Nasr menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph. D) dalam bidang sejarah sains di Harvard. Ketika Nasr berusia 25 tahun, Nasr telah memperoleh ijazah kedoktorannya dengan tajuk disertasinya ialah *Conceptions of Nature in Islamic Thought*. Dalam masa yang sama, Nasr telah mengikuti pengajian bahasa Arab klasik di universiti yang sama. Nasr juga fasih berkomunikasi menggunakan bahasa Parsi, Inggeris, Jerman, Sepanyol dan Arab, maka mudahlah bagi beliau dalam penulisan karyanya dengan beberapa bahasa yang dikuasainya ini.

Ketika menuntut di MIT, Nasr mula membaca karya-karya Frithjof Schuon yang merupakan antara pengajar yang dikenali sebagai orang yang paling berbakat. Semenjak itu, aliran pemikiran ini telah membentuk kehidupan dan pemikirannya. Dengan demikian, Nasr digambarkan sebagai seorang tradisionalis kerana banyak merujuk dan menunjukkan minat terhadap tokoh dan karya tradisionalis. Semenjak Nasr menemui metafizik tradisional dan falsafah perenial mampu membantu Nasr menyelesaikan masalah krisis yang dialaminya selama ini bagi memperoleh kepastian dalam berfikir. Oleh itu, Nasr yakin ada sesuatu kebenaran dapat dicapai melalui pengetahuan yang didapati dari akal yang dipandu oleh wahyu Ilahi.

Antara guru pernah mengajar Nasr ialah Bertrand Russell yang merupakan ahli falsafah British adalah salah seorang guru Nasr di MIT. Beliau pernah menuntut dengan Profesor Giorgio de Santillana (1902-1974), seorang ahli falsafah dan ahli sejarah sains Itali yang terkenal. Beliau juga

merupakan seorang lulusan fizik di Rom yang kemudiannya telah berkolaborasi bersama profesornya, Federico Enriques bagi menerbitkan buku pertamanya yang bertajuk *History of Scientific Thought: The Ancient World*. Nasr banyak mengambil kursus-kursus dalam bidang kemanusiaan daripada Profesor Giorgio. Antara karya Giorgio yang terkenal ialah *The Crime of Galileo*, *The Origins* dan *Hamlet's Mill* (Eleonora, 2018).

Ketika di Iran pada tahun 1958, Nasr telah berguru dengan Sayyid Muhammad Kazim Assar yang alim dalam bidang undang-undang Islam dan falsafah. Selain itu, beliau juga berguru dengan Allamah Sayyid Muhammad Husayn Tabatabai, seorang tokoh ilmuan ilmu genosis dan Sayyid Abul-Hasan Qazwini yang merupakan seorang penguasa dalam bidang undang-undang Islam, mahir dalam bidang sains, matematik, astronomi dan falsafah. Selain itu, Nasr juga menuntut ilmu falsafah Islam secara lisan melalui *al-Asfar al-arbaah Mulla Sadra* dan *Sharh-I manumah Sabziari*.

Disertasi Nasr yang bertajuk *Conceptions of Nature in Islamic Thought* telah diterbitkan pada tahun 1964 oleh Harvard University Press. Pada masa yang sama juga beliau sedang menyiapkan penulisan buku pertamanya yang bertajuk *Sains dan Tamadun dalam Islam*. Beliau juga telah mengarang lebih 50 buah buku dan 500 artikel yang telah diterjemahkan lebih 20 bahasa (Joseph, 2010). Antara fokus dalam karyanya ialah metafizik tradisional, falsafah sains Islam, perbandingan agama dan alam sekitar, tasawuf dan falsafah Islam. Selain itu, karyanya yang bertajuk *Three Muslim Sages* serta *Sains dan Tamadun Islam* telah dijadikan sebagai buku teks bagi kursus falsafah dan sains Islam di universiti Iran. Pada tahun 1966, Nasr telah menyampaikan syarahan di Universiti Chicago yang bertajuk *Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man*. Setelah itu, beliau menulis *Plight of Modern Man*, *Sufi Essays* dan *The Transcendent Theosophy of Sadr al-Din Shirazi*. Karya ini sangat popular sehingga diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa dan telah beberapa kali dicetak semula.

Pada tahun 1979, Nasr bersama-sama keluarganya telah berpindah ke Amerika Syarikat untuk membina semula kehidupannya kerana pada waktu itu telah berlaku Revolusi Iran. Nasr telah mendapatkan tempat di universiti dan memulakan penulisannya kembali pada tahun 1980 setelah penulisannya terhenti ketika Revolusi Iran. Pada tahun 1980, Nasr telah menyampaikan kuliah dalam bidang teologi semulajadi dan falsafah agama di Universiti Edinburgh. Antara karyanya yang terkenal dan penting pada ketika itu ialah *Knowledge and the Sacred* yang telah memberi impak besar kepada ulama dan para pelajar dalam bidang pengajian agama. Kemudian pada tahun 1982, Nasr telah berkolaborasi bersama-sama dengan Ewert Cousins dan beberapa ahli falsafah dan cendekiawan agama bagi menghasilkan *Encyclopedia of World Spirituality*.

Pada tahun 1987, Nasr telah menerbitkan buku yang bertajuk *Islamic Art and Spirituality* dan *Traditional Islam in the Modern World*. Buku *Islamic Art and Spirituality* ini membincangkan kepentingan metafizik dan simbolik seni, puisi dan muzik Islam. Manakala buku *Traditional Islam in the Modern World* membincangkan beberapa dimensi penting tradisi Islam dan hubungannya dengan Barat. Antara lain, karya Nasr iaitu *A Young Muslim's Guide to the Modern World* dan *An Anthology of Philosophy in Persia*. Karya Nasr telah membuktikan bahawa beliau sangat berminat dalam aspek sains, falsafah dan agama.

Nasr merupakan seorang tokoh yang menyerlah dengan pemikirannya di abad ini. Antara disiplin ilmu yang ketara menjadi pokok bahasan beliau ialah etika, tasawuf, falsafah dan agama. Berdasarkan latar belakang hidup beliau menunjukkan pendedahan tasawuf dalam keluarganya, sangat menitikberatkan soal pendidikan, mempunyai semangat yang gigih dalam menuntut ilmu dan kuat berusaha demi menyampaikan pengetahuan kepada masyarakat.

### **Manusia Sempurna Membentuk Peribadi Insan Bermoral**

Insan boleh difahami dengan kemampuan manusia dalam bidang pemikiran sehingga mampu menerima sebarang ilmu pengetahuan. Dalam persoalan siapakah yang mampu menerima amanat untuk menjaga bumi, hanya manusia yang mahu menerimanya (Mohammad Reza, 2016). Sebenarnya Allah telah menciptakan manusia kerana dua tugas utama iaitu, (1) tugas khilafah iaitu menjadi

pemimpin yang menjalankan undang-undang Allah di atas muka bumi sebagaimana firmah Allah dalam surah al-Baqarah ayat 30:

Terjemahan: *“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. mereka berkata: Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”*

Manakala, (2) tugas ibadah iaitu menjadi hamba yang tunduk dan patuh kepada perintah Allah. Firman Allah SWT dalam surah al-Zariyat ayat 56:

Terjemahan: *“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku”.*

Khalifah merupakan pemimpin yang memikul amanah dan tanggung jawab untuk melaksanakan pemerintahan dan menegakkan kebenaran. Ibnu Kathir menegaskan bahawa seperti dijelaskan Allah dalam surah Sad ayat 26 ini adalah peringatan Allah kepada pemimpin-pemimpin supaya melaksanakan peraturan berdasarkan kebenaran yang diturunkan Allah:

Terjemahan: *“Hai Daud Sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah dimuka bumi, maka jalankan keputusan di antara manusia dengan adil dan jangan kamu mengikut hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan”.*

Antara ciri-ciri manusia sempurna (*insan kamil*) (1) akal berfungsi secara optimum iaitu akal merupakan bahagian daripada badan manusia yang sangat penting. Ia merupakan kurniaan Allah SWT kepada manusia, sepertimana yang disebut di dalam al-Quran surah An-Nahl ayat 12:

Terjemahan: *“Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berakal”.*

Akal yang berfungsi dengan baik dan penggunaan yang optimum dapat diketahui melalui segala perbuatan baik yang ditampilkan seperti adil, jujur, berakhlak sesuai dengan keberadaannya. Manusia seperti ini demikianlah yang paling hampir dengan tahap *insan kamil*; (2) *insan kamil* dapat dicirikan dengan kefungisian intuisi yang ada di dalam dirinya. Intuisi merupakan pengetahuan yang diilhamkan Tuhan kepada manusia secara langsung yang dianggap seseorang yang mampu mambuka tabir yang menghalangi antara diri manusia dengan Tuhan. Hal ini terkandung dalam surah as-Syam ayat 8:

Terjemahan: *“Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya”.*

Ciri *insan kamil* seterusnya ialah (3) menghiasi diri dengan sifat ketuhanan iaitu manusia sebagai khalifah di muka bumi sepertimana yang termaktub di dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 30:

Terjemahan: *“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di muka bumi”.*

Manusia sebagai makhluk yang dikurniakan Allah SWT secara fitrahnya berasal daripada Tuhan yang diutuskan menjadi wakil di muka bumi untuk memakmurkan bumi. Dengan demikian, manusia perlu terus berusaha untuk menentukan nasibnya sendiri yang menjadi tanggungjawab besar dalam hidupnya; dan yang terakhir (4) berakhlak mulia iaitu akhlak merupakan suatu sistem nilai yang mengatur tindakan dan pola sikap manusia di muka bumi ini yang selaras dengan ajaran Islam menerusi sumbernya al-Quran, sunnah dan ijtihad. Manakala bagi tindakan dan pola sikap meliputi hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam. Allah SWT telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai utusannya dalam menyampaikan wahyu kepada umatNya. Dalam surah al-Qalam ayat 4:

Terjemahan: “Dan sesungguhnya engkau Muhammad benar-benar berakhlak yang agung”.

Perbincangan manusia sempurna telah lama dibincangkan oleh ahli falsafah Yunani klasik seperti Pythagoras, Plato dan Aristotles. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang manusia menjadi semakin kompleks dan berterusan seiring perkembangan zaman. Dalam Islam, istilah manusia sempurna (*insan kamil*) muncul sekitar awal abad ke-7 H / 13 M oleh Ibn ‘Arabi. *Insan kamil* berasal daripada perkataan Arab yang secara bahasa bermaksud manusia dan sempurna (Ummi Kulsum, 2019). Makna insan merujuk kepada sifat manusia yang terpuji iaitu kasih sayang dan mulia. Manakala sempurna atau *kamil* merupakan suatu keadaan yang sempurna dan boleh ditampilkan menerusi kesempurnaan zat dan sifat. Dengan demikian, *insan kamil* boleh digambarkan sebagai seorang manusia yang sempurna, baik dari segi pengembangan potensi intelektual, rohani, spiritual, intuisi, kata hati, akal sehat dan fitrahnya mahupun dari segi fizikal jasmani yang sihat (Syukri, 2015). *Insan kamil* merupakan seorang manusia yang sihat tubuh badannya dan baik rohaninya yang dapat menjalankan tugas-tugas dan menjalin hubungan dengan Allah, manusia dan alam demi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Ibnu ‘Arabi mengatakan insan sebagai *al-insan al-kamil* mesti ditinjau di dalam dua perspektif atau kategori yang berbeza iaitu, (1) yang dirujuk kepada insan sebagai sejenis makhluk dan, (2) pada aras insan sebagai individu (Zakaria, 2001). Manakala dalam sifat dasar manusia, Ibnu Arabi dan Al-Rumi menganggap sifat dasar manusia terbahagi kepada, (1) manusia bersifat haiwan iaitu manusia yang masih mencerminkan sifat-sifat haiwan dalam dirinya (sifat yang cenderung ke arah hasrat dan nafsu duniawi dengan memiliki tujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak seperti makan, harta, kekuasaan dan keturunan (Zubaidillah, 2020). Manakala, (2) sifat yang tidak terlalu mementingkan urusan duniawi dan ini merupakan sifat ketuhanan dalam diri manusia yang dapat menjadikan manusia lebih mulia daripada malaikat. Dengan ini, dapat menjadikan manusia itu sebagai pembawa amanah Tuhan iaitu sebagai khalifah di muka bumi.

### **Manusia Sempurna (Insan Kamil) Menurut Seyyed Hossein Nasr**

Menurut Nasr, manusia sempurna adalah manusia yang mengintegrasikan secara utuh antara tubuh, fikiran dan jiwa yang menampilkan keseimbangan dan kesempurnaan (Moh. Asror, 2016). Setiap bahagian perlu memainkan peranannya masing-masing sepertimana yang dicontohkan oleh Nabi SAW melalui sejarah sepanjang kehidupannya. Nabi Muhammad SAW merupakan manusia yang mencapai darjat kesempurnaan (Syukri, 2015). Tambahan pula, Nabi SAW merupakan nabi yang terakhir dan nabi untuk dunia seluruhnya (Mohd Nasir, 1992) dan ia merupakan sebagai suatu rahmat yang diturunkan ke alam ini sepertimana disebutkan di dalam al-Quran surah al-Anbiya’ ayat 107:

Terjemahan: “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

Nasr merupakan salah seorang pemikir Islam kini yang memberi perhatian terhadap keperluan mengembalikan nilai-nilai tradisional jalan tasawuf sebagai alternatif penyembuhan krisis manusia zaman moden (Nadhif, 2014). Disamping itu, beliau juga sangat konsisten pandangannya terhadap persoalan krisis manusia moden. Nasr telah membincangkan di dalam karyanya tentang kesempurnaan akhlak Nabi Muhammad SAW sebagai manusia sempurna untuk dijadikan panduan kepada seluruh umat manusia. Indikator sifat kesempurnaan peribadi yang ditampilkan daripada peribadi Rasulullah SAW melalui karya Nasr antaranya ialah (1) kepentingan memberi nama yang baik; (2) pekerti mulia seperti sopan-santun, berbudi bahasa, jujur, amanah dan mencintai kedamaian; (3) berpegang kepada janji, jujur, ikhlas dan adil; (4) kecekalan hati dalam memikul tugas yang diamanahkan; (5) perkahwinan sebagai seruan Islam khususnya dalam memberi impak kepada politik dan sosial; (6) peristiwa *mi'raj* sebagai perjalanan rohani (kewujudan alam rohani dan jasmani); (7) hati (*qalb*) yang elok dan berkeadaan baik dapat menyelamatkan daripada bahaya kehidupan di dunia; (8) layak menjadi pemimpin setelah melakukan penyucian rohani dan moral; (9) menyatukan masyarakat berasaskan prinsip Islam; (10) tidak meninggalkan hal keduniaan (jihad) dengan turut serta membawa umat ke jalan kebaikan; (11) membentuk ummah dengan menyerapkan benih kerohanian Islam dalam segenap aspek kehidupan; (12) kaedah kepimpinan yang berpandangan jauh dan bersikap diplomatik melalui kaedah atas-bawah (membina hubungan melalui pihak atasan); (13) pemaaf dan tidak berdendam serta tegas dan tidak bertolak ansur kepada masalah kesyirikan dan khurafat; (14) menghormati agama lain dengan tidak memandang serong; (15) menjaga hubungan agar tidak terputus; (16) bersikap sama rata dengan tidak membeza-bezakan setiap ahli dalam masyarakat; (17) perasaan kasih sayang, mengambil berat dan bertanggungjawab khususnya kepada kanak-kanak yang menjadi tugas dan kewajipan orang dewasa atau sebagai ibu bapa; (18) penekanan terhadap pendidikan untuk perkembangan rohani, mental dan jasad; dan (19) kepentingan adab kerana ia adalah sebuah prinsip asas dalam Islam.

Dalam penentuan baik dan buruk, Seyyed Hossein Nasr (2003) berpendapat bahawa ahli falsafah Islam dalam etika rasional Islam mengatakan sesuatu yang baik adalah berasal daripada Tuhan dan realiti ontologinya berkait rapat dengan sifat Ilahiah. Malah dalam pemikiran Islam juga berpegang kepada tidak pernah wujudnya pemisahan antara etika dengan agama. Selain itu, secara praktikalnya menunjukkan bahawa etika mesti seiring bersama-sama syariat iaitu hukum Tuhan. Aliran sufi dianggap antara golongan yang bekerja keras dalam usaha mengintegrasikan etika dan syariat. Antara karya sufi popular yang berkait rapat dengan soal ini ialah karya Imam al-Ghazali iaitu *Ihya 'Ulumuddin*.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, kajian ini menjelaskan tentang pembentukan insan bermoral melalui manusia sempurna (*insan kamil*). Ciri-ciri seseorang yang bermoral menunjukkan cuba untuk mempraktikkan amalan atau indikator daripada konsep manusia sempurna. Manusia sempurna menurut Nasr adalah manusia sempurna iaitu Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, penjelasan dan huraian Nasr di dalam karyanya *Muhammad Man of God* tersebut menunjukkan beberapa ciri yang boleh diamalkan oleh setiap umat Islam. Terdapat 19 perkara yang dapat disimpulkan berdasarkan kandungan teks dalam karya tersebut iaitu memberi nama yang baik, sopan-santun dan berbudi bahasa, berpegang kepada janji, jujur, ikhlas dan adil, kecekalan hati, perkahwinan sebagai seruan Islam, peristiwa *mi'raj* sebagai perjalanan rohani, menjaga hati (*qalb*) yang berada di tempat tersembunyi agar terhindar daripada bahaya duniawi, menjadi pemimpin setelah penyucian rohani, menyatukan masyarakat berasaskan prinsip Islam, tidak meninggalkan hal keduniaan (jihad), pembentukan ummah, berpandangan jauh dan bersikap diplomatik, pemaaf dan tegas, menghormati agama lain, menjaga hubungan, bersikap sama rata, perasaan kasih sayang, mengambil berat dan bertanggungjawab, penekanan terhadap pendidikan dan kepentingan adab. Ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa manusia sempurna dalam pandangan Nasr adalah selari dengan pembentukan peribadi insan bermoral selaras syariat dan akal. Pembentukan akhlak yang mulia adalah bermula dengan penyucian hati dan rohani yang mampu menjamin kesihatan mental dan jasmani.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Md. Aroff. (2008). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Akilah Mahmud. (2014). *Insan kamil* perspektif Ibnu Arabi. *Sulesana*, 9(2), 33-45.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid & Norul Huda Bakar. (2015). Krisis akhlak: penguatkuasaan undang-undang sebagai benteng menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 2(1), 1-18.
- Eleonora L. (2018). Back to the origins: science and astronomy before history. *Atti del XXXVIII Convegno annuale SISFA – Messina 2018*, 217-221.
- Joseph E.B. Lombard. (2010). Seyyed Hossein Nasr tradition and modern. *Dlm. David Marshall. Tradition and Modernity: Christian and Muslim Perspectives*. Washington DC: Georgetown University Press.
- Liamputtong P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Moh. Asror Yusuf. (2016). Konsep manusia ideal Seyyed Hossein Nasr dan relevansinya dengan pengembangan karakter masyarakat modern Indonesia. *Didaktika Religia*, 4(1), 135-158.
- Mohammad Reza Najjarian. (2016). The idea of perfect man. *Open Journal of Philosophy*, 6, 319-334.
- Mohd Nasir Omar (2015). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir Omar. (1992). *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Nadhif Muhammad Mumtaz. (2014). Hakikat pemikiran Seyyed Hossein Nasr. *Indo-Islamika*, 4(2), 169-178.
- Nasarudin Desa, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). Menangani keruntuhan akhlak masa kini menurut Islam. *Jurnal al-Turath*, 3(1), 55-63.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rodiah. (2015). *Insan kamil* dalam pemikiran Muhammad Nafis Al-Banjari dan Abdush-Shamad Al-Falimbânî dalam kitab *Ad-Durr An-Nafis* dan *Siyar As-Salikin* (sebuah studi perbandingan). *Studia Insania*, 3(2), 97-110.
- Rohana Tan & Norhasni Zainal Abiddin. (2016). Tinjauan permasalahan akhlak belia di institusi pengajian tinggi. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, 1(2), 161-178.
- Seyyed Hossein Nasr. (2003). *Islam: Agama, Sejarah dan Peradaban*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Syukri. (2015). Insan kamil dan moralitas ideal menurut tasawuf falsafati. *PERENIAL: Jurnal Multikulturalisme & Multireligius*, 3(3), 103-116.
- Ummi Kulsum. (2019). *Insan kamil* sebagai idealitas muslim. *Tafhim Al-'Ilmi*, 80-90.
- Zakaria Stapa. (2001). *Insan Kamil: Ciri dan proses pembentukan*. *Afkar- Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 2(1), 43-60.
- Zubaidillah. (2020). Konsep manusia sempurna perspektif Seyyed Hossein Nasr. *Jurnal Ilmu Ushuluddin*